



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JPNP			

# Isu ceroboh patut selesai lebih awal

Kerajaan negeri turut digesa mencari dan mengambil tindakan terhadap dalang di sebalik kegiatan terbabit

Oleh NIKAMIRULMUMIN  
NIK MIN

KUANTAN

**P**encerobohan tanah untuk tanam durian musang king di kawasan Hutan Simpan Batu Talam, Raub sepatutnya diselesaikan lebih awal dan tidak dibiar-kan sehingga kawasan itu sudah mengeluarkan hasil.

Seorang aktivis alam sekitar, Mohd Syukri Mohd Ramli berkata, tindakan yang terlalu perlahan sehingga mengambil masa

yang lama menyebabkan pekebun terbabit telah mengaut keuntungan berjuta-juta tanpa memberikan sebarang hasil kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Ujar beliau, sepatutnya tindakan diambil sejak dulu lagi ketika kebun haram

terbabit mula diusahakan di kawasan tersebut dan keadaan itu menimbulkan pertanyaan kerana seolah-olah berlaku unsur penyelewengan.

"Adakah pekebun haram itu mendapat 'kebenaran' pihak tertentu sebelum ini sehingga mereka berani meneroka kawasan hutan simpan untuk menanam durian bermutu tinggi ini," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Mohd Syukri berkata, beliau memuji keberanian Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan



MOHD SYUKRI

Rosdy Wan Ismail dalam isu tersebut kerana jika pencerobohan itu terus dibiarkan, sudah tentu akan merugikan kerajaan negeri.

"Bagaimanapun selain tindakan memusnahkan kebun haram ini, kerajaan negeri turut digesa agar mencari dan mengambil tindakan terhadap dalang di sebalik kegiatan itu.

"Pekebun haram itu juga perlu didakwa atas tuduhan pencerobohan tanah kerajaan sejak sekian lama.

"Kita juga mahu kerajaan negeri menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya siasat sekiranya wujud elemen salah guna kuasa dan rasuah dalam isu tersebut," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mohd Syukri menyifatkan tindakan memusnahkan pokok durian yang buahnya sedang menunggu

Sinar, 7 Jul  
2021\_2



Gambar pokok durian yang sedang berbuah yang telah ditebang ketika operasi penguatkuasaan dijalankan pada Ahad yang tular di media sosial.

masa untuk dituai tidak kena pada masanya.

"Kenapa-tiada kompromi dengan pekebun untuk ambil hasil terlebih dahulu?"

"Saya kira, operasi ini lebih baik dilaksanakan selepas hasilnya diambil kerana sayang buah yang banyak itu dimusnahkan begitu sahaja.

"Kalau bukan diserahkan ke-

pada pekebun, buah hasil kebun haram ini diambil dulu dan digi-ghikan kepada rakyat kerana ramai yang tidak mampu untuk menikmati durian musang king ini," katanya.

Justeru, Mohd Syukri berkata, adalah satu kerugian apabila buah-buah durian bermutu tinggi yang menunggu masa untuk dituai itu dimusnahkan.

